

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 112

**PENGAMAL PERUBATAN DAN DOKTOR
GIGI**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Daftar hendaklah disimpan
4. Pengarah Perkhidmatan Perubatan sebagai Pendaftar
5. Penyiaran keterangan *prima facie* mengenai pen-daftaran
6. Orang-orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai pengamat perubatan
7. Orang-orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai doktor gigi
8. Permohonan untuk pendaftaran
9. Sijil pendaftaran
10. Kesahan pendaftaran
11. Sijil pengamalan tahunan
- 11A. Permohonan bab 9, 10 dan 11

12. Orang-orang yang didaftarkan boleh menghendaki supaya kelayakan tambahan dimasukkan dalam daf-tar
13. Lantikan Lembaga bagi maksud Akta ini
14. Orang-orang yang didaftarkan berhak untuk menjalan-kan amalan dan meminta bayaran
15. Tiada bayaran boleh didapatkan kembali melainkan jika orang didaftarkan
16. Sijil tidak boleh ditandatangani melainkan jika orang yang menandatanganinya didaftarkan
17. Pengertian istilah
18. Pengecualian dari pendaftaran
19. Hukuman bagi orang yang memperolehi pendaftaran dengan sijil palsu
20. Akibat dari suatu penyabitan kesalahan
21. Pengeluaran nama orang yang telah hilang kelayakan
22. Pembetulan daftar doktor gigi
23. Rayuan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat
24. Pengecualian dari Akta ini
25. Hukuman
26. Kaedah mengubati penyakit mengikut cara orang Melayu dan orang Asia yang lain adalah dibenarkan
27. Kuasa untuk membuat aturan-aturan

JADUAL – Daftar

AKTA PENGAMAL PERUBATAN DAN DOKTOR GIGI

Satu Akta untuk mempersyaratkan pendaftaran pengamal perubatan dan doktor gigi.

15 tahun
1956
20 tahun
1957
7 tahun
1958

Permulaan kuatkuasa : 1 Januari 1957 S. 94/56

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi. Gelaran pendek

2. Dalam Akta ini — Tafsiran

“Lembaga” bermakna Lembaga Perubatan yang dilantik di bawah bab 9 ;

“doktor gigi” bermakna mana-mana orang yang bertugas menjalankan amalan pergigian atau yang menawarkan dirinya sebagai bersedia dan sanggup merawat pesakit-pesakit untuk mendapatkan keuntungan ;

“pengamal perubatan” bermakna mana-mana orang yang bertugas menjalankan amalan perubatan atau pembedahan, atau yang menawarkan dirinya sebagai bersedia dan sanggup merawat pesakit-pesakit untuk mendapatkan keuntungan ;

“menjalankan amalan pergigian” bermakna melakukan sebarang pembedahan, memberi sebarang rawatan, nasihat, atau layanan yang biasanya dilakukan atau diberi oleh doktor-doktor gigi, dan mana-mana orang yang melakukan sebarang pembedahan atau memberi sebarang rawatan, nasihat, atau layanan, kepada mana-mana orang sebagai persediaan, atau bagi maksud, atau berhubung dengan pemasangan,

penyelitan, atau pelekapan gigi buatan, hendaklah dianggap sebagai menjalankan amalan pergigian ;

“menjalankan amalan perubatan atau pembedahan” bermakna memberi rawatan perubatan atau pembedahan atau nasihat pada satu masa atau lebih untuk mendapatkan keuntungan ;

“Pendaftar” bermakna Pendaftar Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi yang dilantik di bawah bab 4 ;

“perkhidmatan” bermakna Perkhidmatan Perubatan Kerajaan.

3. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini suatu daftar pengamal perubatan dan doktor gigi hendaklah disimpan dalam bentuk yang ditentukan dalam Jadual, dan suatu bayaran yang ditetapkan oleh Lembaga hendaklah dikenakan bagi tiap-tiap pendaftaran.

(2) Bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan, Pengamal Perubatan Kerajaan atau Doktor Gigi Kerajaan.

4. (1) Pengarah Perkhidmatan Perubatan adalah Pendaftar Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi, dan hendaklah menyebabkan supaya disiarkan —

(a) dalam *Warta Kerajaan* selepas saja tarikh pendaftaran, nama, alamat dan kelayakan tiap-tiap pengamal perubatan atau doktor gigi yang didaftarkan dengan seujarnya ;

(b) dalam *Warta Kerajaan* bulan Januari pada tiap-tiap tahun suatu senarai yang mengandungi nama-nama semua pengamal perubatan dan doktor gigi yang ada dalam daftar pada akhir tahun sebelumnya berserta

dengan alamat-alamat dan kelayakan-kelayakan mereka.

(2) Pendaftar hendaklah —

(a) menyimpan daftar dengan betul menurut syarat-syarat Akta ini ;

(b) mengeluarkan nama-nama semua orang yang berdaftar yang telah mati atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam yang berniat tidak akan kembali menjalankan amalan di dalamnya ; dan

(c) membuat, dari masa ke semasa, perubahan yang perlu pada nama, alamat atau kelayakan orang-orang yang berdaftar.

Bagi maksud-maksud itu Pendaftar atau ahli Lembaga yang bertindak di bawah arahannya boleh, dengan surat yang dialamatkan kepada mana-mana orang yang berdaftar di alamat yang dicatatkan dalam daftar, menyiasat sama ada orang itu telah berhenti menjalankan amalan atau bertukar tempat kediamannya atau telah meninggalkan Negara Brunei Darussalam dan berniat tidak akan kembali menjalankan amalan di dalamnya ; dan jika tiada jawapan diterima terhadap surat itu dalam tempoh dua belas bulan dari pengeposan surat itu maka Pendaftar boleh mengeluarkan nama orang yang dialamatkan demikian dari daftar ;

Dengan syarat bahawa Lembaga boleh, jika difikirkan-nya patut, mengarahkan pemasukan semula sebarang nama yang dikeluarkan demikian tanpa membayar sebarang bayaran.

(3) Timbalan pendaftar kematian tiap-tiap daerah, atau pegawai awam yang menjalankan kewajipan timbalan Pendaftar, mengikut mana yang berkenaan, apabila menerima notis kematian mana-mana pengamal perubatan atau doktor gigi yang berdaftar atau berlesen hendaklah menghantar dengan serta-merta kepada Pendaftar suatu sijil yang ditandatanganinya sendiri mengenai kematian itu, dengan

butir-butir waktu dan tempat kematian dan apabila menerima sijil itu Pendaftar hendaklah mengeluarkan nama pengamat perubatan atau doktor gigi yang telah mati itu dari daftar.

Penyiaran
keterangan
prima facie
mengenai
pendaftaran

5. (1) Penyiaran senarai di bawah bab 4 sehingga dibuktikan sebaliknya adalah keterangan bahawa orang-orang yang dinamakan di dalamnya adalah didaftarkan di bawah Akta ini, dan ketiadaan nama mana-mana orang dari senarai itu sehingga dibuktikan sebaliknya adalah keterangan bahawa orang itu tidak didaftarkan demikian.

(2) Daftar dan semua salinannya atau cabutan darinya yang diperakui dengan tandatangan Pendaftar boleh di terima sebagai keterangan dalam semua mahkamah Negara Brunei Darussalam.

Orang-orang
yang berhak
untuk
didaftarkan
sebagai
pengamat
perubatan

6. Pemegang sebarang ijazah, diploma atau lesen yang diiktiraf sebagai memberi hak kepadanya terhadap pendaftaran oleh Majlis Am Pendidikan dan Pendaftaran Perubatan di United Kingdom, dan pemegang sebarang kelayakan lain dalam perubatan atau pembedahan sebagaimana yang mungkin diisyiharkan oleh Lembaga, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai kelayakan yang dibenarkan bagi maksud bab ini, adalah berhak terhadap pendaftaran di bawah Akta ini sebagai pengamat perubatan.

Orang-orang
yang berhak
untuk
didaftarkan
sebagai
doktor gigi

7. Orang-orang yang berikut adalah berhak terhadap pendaftaran di bawah Akta ini sebagai doktor gigi —

(a) mana-mana orang yang memiliki suatu lesen atau ijazah dalam pembedahan gigi atau pergigian dari mana-mana badan dan Universiti yang memilih ahli-ahli Majlis Am Pendidikan dan Pendaftaran Perubatan di United Kingdom, dan mana-mana orang yang memiliki sebarang kelayakan dalam pembedahan gigi atau pergigian sebagaimana yang mungkin diisyiharkan

oleh Lembaga, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai kelayakan yang dibenarkan bagi maksud-maksud perenggan ini ; dan

(b) mana-mana orang yang dapat memuaskan hati Pendaftar bahawa dia berhak untuk didaftarkan di United Kingdom sebagai doktor gigi Luar Negeri atau Tanah Jajahan ; dan

memuaskan hati Lembaga bahawa dia adalah orang yang layak dan sesuai untuk menjalankan amalan pergigian dan didaftarkan sebagai doktor gigi.

8. (1) Mana-mana orang yang berhak untuk didaftarkan di bawah Akta ini boleh memohon kepada Pendaftar untuk pendaftaran.

Permohonan
untuk
pendaftaran

(2) Permohonan untuk pendaftaran hendaklah dibuat mengikut cara atau dalam borang dan hendaklah disertakan dengan dokumen, gambar dan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan. Bukti pengenalan yang memuaskan hati Pendaftar hendaklah diberikan.

(3) Jika seseorang telah mematuhi syarat-syarat ceraian (2) dari bab ini dan telah membayar bayaran yang ditetapkan, maka dia hendaklah, tertakluk kepada syarat-syarat Akta ini, didaftarkan oleh Lembaga dalam daftar.

(4) Jika mana-mana orang yang memohon untuk daftarkan telah disabitkan atas sebarang kesalahan kejam atau, selepas Lembaga menjalankan siasatan yang sewajarnya, dianggap oleh Lembaga telah bersalah kerana berkela-kuan buruk atau memalukan dari sebarang aspek profesional, maka Lembaga boleh tidak memasukkan orang itu dalam daftar. Atas siasatan itu orang yang dituduh melakukan kesalahan atau kelakuan itu adalah berhak untuk hadir di hadapan Lembaga dan didengar.

Sijil
pendaftaran

9. Jika seseorang telah didaftarkan dalam daftar, Lembaga hendaklah mengeluarkan kepadanya suatu sijil pendaftaran, dan Lembaga boleh menghendaki supaya dilekatkan pada sijil itu gambar orang itu atau keterangan pengenalan yang lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga. Sijil itu hendaklah, bagi tahun ianya dikeluarkan, dianggap sebagai sijil pengamalan tahunan yang dikeluarkan di bawah bab 11, dan syarat-syarat Akta ini berkenaan dengan sijil pengamalan tahunan hendaklah dikenakan kepada sijil pendaftaran.

Kesahan
pendaftaran

10. Pendaftaran tiap-tiap orang yang didaftarkan sebagai pengamal perubatan atau doktor gigi hendaklah terus berkuatkuasa sehingga tiga puluh satu haribulan Disember yang berikutnya selepas tarikh pendaftarannya dan mana-mana orang yang didaftarkan demikian yang berhasrat supaya namanya dikekalkan dalam daftar hendaklah membuat permohonan mengikut cara yang dipersyaratkan oleh bab 11.

Sijil
pengamalan
tahunan

11. (1) Tiap-tiap pengamal perubatan atau doktor gigi yang didaftarkan di bawah Akta ini yang berhasrat supaya namanya dikekalkan dalam daftar selepas tiga puluh satu haribulan Disember pada sebarang tahun hendaklah, tidak lewat dari satu haribulan Disember tahun itu membuat permohonan dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan, bagi pengekalan namanya dalam daftar pada tahun yang berikutnya.

(2) Atas permohonan dan bayaran itu, Lembaga, jika berpuas hati bahawa bangunan dan keadaan di mana pemohon menjalankan amalan perubatan, pembedahan atau pergigian adalah sesuai bagi menjalankan amalan itu, hendaklah menyebabkan Pendaftar supaya mengeluarkan suatu sijil (yang dinamakan "sijil pengamalan tahunan") yang membentarkan pemohon untuk menjalankan amalan perubatan, pembedahan atau pergigian pada tahun yang berkaitan dengannya sijil itu dikeluarkan.

(3) Sijil pengamalan tahunan hendaklah berkuat-kuasa melainkan jika dibatalkan sebelumnya mengikut cara yang ditetapkan selepas ini dalam Akta ini sehingga tiga puluh satu haribulan Disember pada tahun yang berkaitan dengan-sya sijil itu dikeluarkan.

(4) Nama mana-mana pengamat perubatan atau doktor gigi yang berdaftar yang gagal mendapatkan suatu sijil pengamalan tahunan sebelum permulaan sebarang tahun hendaklah dikeluarkan dari daftar.

(5) Mana-mana pengamat perubatan atau doktor gigi yang berdaftar yang telah gagal memohon mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam ceraian (1) dari bab ini bagi pengekalan namanya dalam daftar boleh, apabila membuat permohonan dan apabila membayar bayaran tambahan sebagaimana yang mungkin ditetapkan, diberikan suatu sijil pengamalan tahunan bagi tahun yang berikutnya jika permohonan itu dibuat dalam bulan Disember pada sebarang tahun, atau bagi baki tahun itu, jika permohonan itu dibuat pada atau selepas satu haribulan Januari dan sebelum bulan Disember pada sebarang tahun dan dalam kedua-dua hal namanya boleh dimasukkan semula dalam daftar.

(6) Apabila didapati sehingga memuaskan hati Lembaga bahawa seseorang pengamat perubatan atau doktor gigi yang berdaftar menjalankan amalan perubatan, pembedahan atau pergigian di dalam bangunan atau di bawah keadaan yang dianggap oleh Lembaga sebagai tidak sesuai untuk menjalankan amalan itu, maka Lembaga boleh mengarahkan supaya nama orang itu dikeluarkan dari daftar dan sijil pengamalan tahunannya dibatalkan.

(7) Jika mana-mana orang yang sijil pengamalan tahunannya telah dibatalkan di bawah ceraian (6) dari bab ini membuat permohonan mengikut cara dan membayar bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan, maka Lembaga boleh, selepas menimbangkan dengan sewajarnya akan

keadaan perkara itu, mengarahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula dalam daftar dan suatu sijil pengamalan tahunan dikeluarkan.

(8) Mana-mana orang yang menjalankan amalan perubatan, pembedahan atau pergigian di Negara Brunei Darussalam (selain dari seseorang yang dikecualikan dari pendaftaran di bawah bab 14) yang tidak mempunyai suatu sijil pengamalan tahunan yang berkuatkuasa adalah melakukan kesalahan : Hukuman, penjara selama 5 tahun atau denda sebanyak \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

(9) Mana-mana orang yang menjalankan amalan pergigian di Negara Brunei Darussalam yang —

(a) berkongsi dengan seseorang (selain dari seseorang yang dikecualikan dari pendaftaran di bawah bab 14) yang tidak mempunyai suatu sijil pengamalan tahunan yang berkuatkuasa ; atau

(b) ada bekerja dengannya mana-mana pengamal perubatan atau doktor gigi yang berdaftar yang tidak mempunyai sijil seumpama itu,

adalah melakukan kesalahan : Hukuman, penjara selama 5 tahun atau denda sebanyak \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Permohonan
bab 9, 10 dan
11.

11A. Syarat-syarat Bab 9, 10 dan 11 berkenaan dengan sijil pengamalan tahunan hendaklah tidak dikenakan kepada seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan, Pengamal Perubatan Kerajaan atau Doktor Gigi Kerajaan.

Orang-orang
yang
didaftarkan
boleh
menghendaki
supaya
kelayakan
tambahan
dimasukkan
dalam daftar

12. Tiap-tiap orang yang didaftarkan di bawah Akta ini, yang mungkin telah memperolehi sebarang ijazah tertinggi atau kelayakan tambahan selain dari kelayakan yang berkaitan dengannya dia mungkin telah didaftarkan, adalah berhak supaya ijazah tertinggi atau kelayakan tambahan itu dimasukkan dalam daftar sebagai ganti atau tambahan kepada kelayakan yang didaftarkan sebelumnya, tanpa membayar sebarang bayaran tambahan.

13. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga, yang dikenali sebagai Lembaga Perubatan, yang terdiri daripada Pengarah Perkhidmatan Perubatan sebagai Pengerusi dan ahli-ahli lain iaitu pengamat perubatan dan doktor gigi yang mempunyai kelayakan yang sewajarnya sebagaimana yang mungkin dilantik dari masa ke semasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Lantikan
Lembaga
bagi maksud
Akta ini

(2) Semasa ketiadaan Pengarah Perkhidmatan Perubatan atau kerana sebarang sebab lain yang perlu atau munasabah maka pegawai perubatan kanan Kerajaan yang ada hendaklah bertindak sebagai Pengerusi pada sebarang mesyuarat Lembaga.

(3) Pengerusi berserta dengan dua orang ahli lain hendaklah membentuk suatu kurom tetapi tertakluk kepadaanya Lembaga boleh bertindak sekalipun jumlah mereka kurang dan boleh mengatur tatacara mereka sendiri.

(4) Semua lantikan kepada Lembaga hendaklah diberitahu dalam *Warta Kerajaan*.

14. Tiap-tiap pengamat perubatan yang didaftarkan di bawah Akta ini atau yang dikecualikan dari pendaftaran itu di bawah bab 14 adalah berhak untuk menjalankan amalan perubatan, pembedahan, dan kebidanan, dan tiap-tiap doktor gigi yang didaftarkan di bawah Akta ini atau yang dikecualikan dari pendaftaran itu di bawah bab 18 adalah berhak untuk menjalankan amalan pergigian, dan untuk menuntut, meminta, dan mendapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah, dengan kos penuh guaman, bayaran yang munasabah kerana bantuan, nasihat, dan lawatan profesional, dan harga sebarang ubat atau sebarang perkakas perubatan atau pembedahan yang diberi atau sebarang perkakas perubatan atau pembedahan yang diberi atau dibekalkan olehnya kepada pesakit-pesakitnya.

Orang-orang
yang
daftarkan
berhak untuk
menjalankan
amalan dan
meminta
bayaran

Tiada
bayaran
boleh
didapatkan
kembali
melainkan
jika
orang
didaftarkan

15. Tiada sesiapapun berhak untuk mendapatkan kembali sebarang bayaran dalam mana-mana mahkamah kerana sebarang nasihat atau layanan perubatan atau pembedahan atau kerana menjalankan sebarang pekerjaan sebagai pengamal perubatan atau doktor gigi, atau kerana sebarang ubat yang diberi dan dibekalkan olehnya di Negara Brunei Darussalam sebagai pengamal perubatan atau doktor gigi itu selepas permulaan kuatkuasa Akta ini, melainkan jika dia pada waktu itu telah didaftarkan di bawah Akta ini atau dikecualikan dari pendaftaran itu di bawah bab 18, tetapi semua pendaftaran yang dilakukan dalam masa 2 bulan selepas permulaan kuatkuasa Akta ini hendaklah dianggap sebagai ditarikhkan semula pada waktu permulaan kuatkuasa itu.

Sijil tidak
boleh
ditanda-
tangani
melainkan
jika orang
yang
menanda-
tanganinya
didaftarkan

16. Suatu sijil, atau dokumen lain yang dikehendaki oleh undang-undang untuk ditandatangani oleh seseorang pengamal perubatan yang mempunyai kelayakan yang sewajarnya, yang diberikan selepas permulaan kuatkuasa Akta ini adalah tidak sah melainkan jika ditandatangani oleh seseorang yang didaftarkan sebagai pengamal perubatan di bawah Akta ini.

Pengertian
istilah

17. Dari dan selepas permulaan kuatkuasa Akta ini perkataan-perkataan “pengamal perubatan yang mempunyai kelayakan di sisi undang-undang” atau “pengamal perubatan yang mempunyai kelayakan yang sewajarnya” atau sebarang perkataan yang bermaksud seseorang yang diiktiraf oleh undang-undang sebagai pengamal perubatan atau ahli profesi perubatan, apabila digunakan dalam sebarang Akta, atau undang-undang lain berkenaan dengan orang itu, hendaklah ditafsirkan sebagai bermakna seseorang yang didaftarkan sebagai pengamal perubatan di bawah Akta ini.

Pengecualian
dari
pendaftaran

18. Orang-orang yang berikut hendaklah dikecualikan dari pendaftaran di bawah Akta ini tetapi berhak terhadap hak dan keistimewaan orang-orang yang didaftarkan demikian —

(a) Pegawai-pegawai Perubatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ;

- (b) doktor-doktor kapal semasa menunaikan kewajipan mereka yang sedemikian ; dan
- (c) mana-mana orang yang berhak terhadap pendaftaran di bawah Akta ini, atau pemegang ijazah atau lesen lain dalam perubatan, pembedahan atau pergigian sebagaimana yang mungkin dianggap sebagai mencukupi dalam sebarang keadaan khas oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan dengan tidak menghiraukan bahawa ianya tidak memberi hak kepada orang itu terhadap pendaftaran di bawah Akta ini, yang dibenarkan secara bertulis di bawah tandatangan Pengarah Perkhidmatan Perubatan untuk menjalankan amalan perubatan, pembedahan bagi suatu tempoh tertentu atau pergigian berhubung dengan sebarang hal tertentu atau jenis-jenis hal yang dinyatakan secara bertulis itu.

Dengan syarat bahawa Pengarah Perkhidmatan Perubatan hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melaporan kepada Lembaga nama mana-mana orang yang dibenarkan demikian dan Lembaga boleh selepas itu dengan notis secara bertulis mengarahkan Pengarah Perkhidmatan Perubatan supaya —

- (a) menarik balik kebenaran daripada orang yang dibenarkan demikian mulai dari tarikh penyampaian notis penarikan balik itu kepada orang itu ; atau
- (b) tidak mengeluarkan kepada orang itu sebarang kebenaran lanjut kepada orang di bawah perenggan ini,

dan Pengarah Perkhidmatan Perubatan hendaklah dalam salah satu hal mematuhi arahan itu.

- 19. (1)** Mana-mana orang yang dengan sengaja memperolehi atau cuba memperolehi supaya dia didaftarkan di bawah Akta ini, dengan membuat atau mengemukakan atau menyebabkan supaya dibuat atau dikemukakan sebarang pernyataan atau pengakuan palsu atau tipuan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mana-mana orang yang membantu atau

Hukuman
bagi
orang yang
memperolehi
pendaftaran
dengan sijil
palsu

menolongnya dalam perkara itu, adalah melakukan kesalahan : Hukuman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak \$20,000.

(2) Jika orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab ini didaftarkan di bawah Akta ini maka Pendaftar hendaklah dengan serta-merta mengeluarkan nama orang itu dari daftar atau membatalkan leseninya mengikut mana yang berkenaan.

Akibat dari
suatu
penyabitan
kesalahan

20. (1) Jika mana-mana pengamat perubatan atau doktor gigi yang didaftarkan di bawah Akta ini disabitkan atas suatu kesalahan jenayah dalam mana dia sepatutnya dipenjarakan tanpa pilihan denda atau hendaklah, selepas Lembaga menjalankan siasatan yang sewajarnya, dianggap olehnya sebagai bersalah kerana berkelakuan buruk dari sebarang aspek profesional, maka Pendaftar boleh atas saranan Lembaga memotong nama orang itu dari daftar. Atas sebarang siasatan itu orang yang dituduh melakukan kesalahan atau salah laku itu adalah berhak untuk hadir dan didengar.

Jadual
kepada
S. 1 1951
Bil. 665

(2) Siasatan yang disebutkan dalam ceraian (1) hendaklah dijalankan setakat yang boleh menurut syarat-syarat Bahagian II dari Aturan-Aturan Jawatankuasa Tatatertib Perubatan (Tatacara), 1951, United Kingdom, salinan Aturan-Aturan itu boleh didapati untuk diperiksa di pejabat Pendaftar.

Pengeluaran
nama orang
yang telah
hilang
kelayakan

21. Lembaga hendaklah menyebabkan supaya dikeluarkan dari Daftar nama mana-mana orang yang namanya mungkin telah dipotong dari senarai atau daftar hospital, universiti, kolej atau badan lain yang memberi diploma atau diplomas-diploma yang menurutnya orang itu telah didaftarkan.

Pembetulan
daftar doktor
gigi

22. Lembaga boleh mengeluarkan dari daftar nama mana-mana orang yang —

(a) telah mati ; atau

- (b) tidak mempunyai alamat di Negara Brunei Darussalam di mana dia boleh dijumpai ; atau
- (c) tidak lagi menjalankan amalan pergigian di Negara Brunei Darussalam.
- 23.** (1) Mana-mana orang, yang namanya sama ada —
- (a) menurut bab 20, telah dipotong dari daftar ; atau
 - (b) menurut ceraian (6) dari bab 11 telah dikeluaran dari daftar,
- boleh dalam masa 14 hari merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat terhadap pemotongan atau pengeluaran namanya itu, mengikut mana yang berkenaan.
- (2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh, atas budibicara baginda, memperkenankan rayuan itu dan mengarahkan supaya nama orang itu didaftarkan semula.
- (3) Sebarang keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat atas rayuan adalah muktamad dan hendaklah tidak dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

- 24.** Tiada sebarang apapun yang terkandung dalam Akta ini boleh dianggap sebagai melarang atau mencegah —

- (a) pengamalan pergigian oleh seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah syarat-syarat Akta ini ;
- (b) pencabutan gigi oleh seseorang ahli farmasi yang didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis apabila —
 - (i) perkara itu sangat perlu ; dan

Rayuan
kepada
Kebawah
Duli
Yang Maha
Mulia
dalam Majlis
Mesyuarat

Pengecualian
dari Akta ini

- (ii) tiada terdapat pengamal perubatan yang berdaftar atau berlesen atau doktor gigi yang berdaftar atau berlesen ; dan
- (iii) dengan syarat bahawa tiada anestetik digunakan atau diberikan ; dan
- (c) pencabutan gigi oleh mana-mana orang apabila —
 - (i) perkara itu sangat perlu ; dan
 - (ii) tiada terdapat pengamal perubatan yang berdaftar atau berlesen, doktor gigi yang berdaftar atau berlesen atau ahli farmasi yang berdaftar dalam lingkungan 5 batu ;
 - (iii) tiada anestetik digunakan atau diberikan ; dan
 - (iv) tiada bayaran dikenakan atau diterima ;
- (d) mana-mana orang dalam perkhidmatan dari memberi bantuan perubatan atau pergigian semasa menjalankan kewajipannya dalam perkhidmatan itu ;
- (e) mana-mana pelayan perubatan yang dibenarkan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai perubatan Kerajaan yang digaji disesebuah dispensari selain dari dispensari Kerajaan dari memberi bantuan perubatan atau pergigian semasa menjalankan kewajipannya yang boleh diberi dengan dadah dan peralatan perubatan sebagaimana yang mungkin dinyatakan secara bertulis oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan :

Dengan syarat bahawa dia memegang suatu permit yang sah secara bertulis daripada Pengarah Perkhidmatan Perubatan bagi maksud itu, Pengarah Perkhidmatan Perubatan adalah dengan ini diberikuasa untuk memberinya, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dianggap

patut untuk dikenakan olehnya, atau menolaknya atas budi-bicaranya, kecuali bahawa penolakan suatu permit oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan sebagaimana yang disebutkan di atas hendaklah tidak berkuatkuasa melainkan jika permit itu disahkan oleh Lembaga. Permit itu hendaklah tidak membenarkan orang yang diberikan dengan permit itu untuk menjalankan amalan perubatan bagi mendapatkan keuntungan atau di tempat lain dari di tempat atau tempat-tempat yang dinyatakan di dalamnya tetapi suatu bayaran yang munasabah untuk menampung kos sebarang ubat atau racun yang diberikan dalam rawatan boleh didapatkan kembali daripada orang yang dirawat itu.

25. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja dan dengan salah memakai atau menggunakan sebarang nama, gelaran atau penambahan, yang tersirat suatu kelayakan untuk menjalankan amalan perubatan, pembedahan, atau pergigian, atau, tidak didaftarkan, atau tidak dikecualikan dari didaftarkan demikian di bawah syarat-syarat Akta ini, menjalankan amalan, bertugas menjalankan amalan, atau menyiaran namanya sebagai yang menjalankan amalan perubatan, pembedahan, atau pergigian, atau, bukan sebagai doktor gigi yang berdaftar di bawah syarat-syarat Akta ini, mengupah atau menggaji seseorang untuk membantunya untuk menjalankan amalan pergigian, adalah melakukan kesalahan : Hukuman, penjara selama 5 tahun dan denda.

Hukuman

(2) Apabila seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab ini, maka mahkamah boleh memerintahkan sebarang dadah, racun, ubat, jarum, picagari, atau alat atau perkakas pembedahan, perubatan, pergigian atau diagnostik, yang digunakan oleh, dimiliki oleh, atau didapati ada dalam milik, orang yang disabitkan kesalahan itu, supaya dilucut-hak, atau dimusnahkan, ataupun dibuang.

Kaedah mengubati penyakit mengikut cara orang Melayu dan orang Asia yang lain adalah dibenarkan

26. Tiada sebarang apapun dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai melarang atau mencegah pengamalan kaedah mengubati penyakit mengikut cara orang Melayu, India, China atau Asia yang lain oleh orang-orang yang diiktiraf oleh masyarakat di mana mereka tergolong untuk dilatih dengan sewajarnya dalam menjalankan amalan itu.

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan mana-mana orang untuk menjalankan amalan sebarang kaedah mengubati penyakit mengikut cara orang Melayu, India, China atau Asia yang lain kecuali di antara masyarakat di mana dia tergolong, atau perlaksanaan suatu perbuatan di pihak mana-mana orang yang menjalankan amalan sebarang kaedah itu yang membahayakan nyawa.

Kuasa untuk membuat aturan-aturan

27. Lembaga boleh membuat aturan-aturan untuk menguatkuasakan Akta ini dan tanpa menyentuh keluasan makna kuasa yang disebutkan di atas aturan-aturan itu boleh mempersyaratkan apa-apa yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Akta ini.

UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

NOTA. Tiada terdapat undang-undang tambahan.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL

(Bab 3)

DAFTAR PENGAMAL PERUBATAN DAN DOKTOR GIGI

Sama ada Pengamal Perubatan atau Doktor Gigi	Nama Penuh	Alamat	Tarikh dan tempat pendaftaran asal	Tarikh Pendaftaran di Negara Brunei Darussalam	Kelayakan dengan tarikh